

**SIARAN SEGERA****KENYATAAN MEDIA****STRATEGI OPERASI SWM ENVIRONMENT SEMPENA TAHUN BARU CINA 2021**

---

**MELAKA, 8 FEBRUARI 2021** – SWM Environment Sdn. Bhd. (**SWM Environment**) akan memberi tumpuan dan keutamaan khusus kepada kawasan utama yang mempunyai bilangan penduduk kaum Cina yang ramai sempena sambutan perayaan Tahun Baru Cina bagi mengelakkan berlakunya longgokan sampah tambahan yang banyak dan tidak terkawal.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Mohd Norlisam Mohd Nordin berkata, pihak operasi telah mengenal pasti lokasi-lokasi utama tersebut yang memerlukan perhatian untuk kerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam terutamanya di lokasi tong sampah berpusat.

“Sempena perayaan Tahun Baru Cina, SWM Environment di Melaka akan beroperasi seperti biasa termasuk sepanjang dua hari cuti umum pada 12 dan 13 Februari ini. SWM Environment juga telah merancang strategi bagi operasi di musim perayaan Tahun Baru Cina dengan menyusun jadual kutipan sampah dan memastikan tenaga kerja serta jumlah kenderaan yang mencukupi.

“Sebanyak 79 kenderaan lori kompaktor dan lori tipper terbuka dengan anggota seramai 366 orang akan bertugas pada hari pertama dan kedua sambutan Tahun Baru Cina,” katanya.

Tambah beliau, orang ramai juga dinasihatkan mengelakkan pembaziran makanan sepanjang musim perayaan ini.

“Memandangkan perayaan Tahun Baru Cina disambut ketika negara masih dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), orang ramai dijangka lebih banyak menghabiskan masa di rumah. Maka, peningkatan janaan sisa pepejal di rumah dijangka akan berlaku hasil kekerapan aktiviti seperti memasak dan memesan perkhidmatan penghantaran makanan.

“Sehubungan itu, SWM Environment berharap orang ramai tidak membazirkan makanan agar penjanaan sampah yang akan dibuang ke tapak pelupusan dapat dikurangkan. SWM Environment juga memohon kerjasama daripada penduduk negeri Melaka agar bersama-sama menjaga kebersihan persekitaran di rumah atau di kawasan awam pada musim perayaan ini dengan memasukkan sampah ke dalam tong sampah yang disediakan oleh pihak SWM Environment,” katanya.



Selain itu, katanya, orang ramai turut disaran memanfaatkan masa lapang di rumah untuk mengamalkan budaya Pengasingan Sisa Pepejal di Punca (SAS) serta aktiviti 3R (*reduce, reuse and recycle*) sebagai rutin seharian.

“Sudah tiba masanya kita menjadikan amalan pengasingan sampah mengikut kategori yang betul sebagai sebahagian daripada norma baharu dalam kehidupan seharian. Penduduk boleh merujuk jadual kutipan +1 seminggu sekali oleh SWM Environment bagi menguruskan sisa pukal, sisa kebun dan barangan kitar semula.

“SWM Environment turut menyediakan inisiatif KITAREcycle yang membolehkan pengguna yang berdaftar mendapat mata ganjaran bagi lebih 20 jenis barangan kitar semula. Semoga amalan SAS dan 3R yang dipraktikkan ini dapat melahirkan masyarakat yang peka dengan penjagaan alam sekitar,” katanya.

Jika terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkhidmatan kutipan sampah dan pembersihan awam di sepanjang tempoh sambutan Tahun Baru Cina ini, orang ramai boleh menghubungi Talian Indahkan Malaysia 1-800-88-7472 dan Talian WhatsApp SWM di 012-618 0082.

**TAMAT**

#### **FAKTA**

#### **SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.**

SWM Environment Sdn. Bhd. (**SWM Environment**) telah dilantik pada tahun 1995 di bawah perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007, untuk bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: [www.swmenvironment.com](http://www.swmenvironment.com).

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.



Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 20 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Google Play*. Sila layari laman web: [www.kitarecycle.com](http://www.kitarecycle.com) untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

**Noor Che Wah Ramli**

***Eksekutif Kanan Jabatan Komunikasi Korporat***

***SWM Environment Sdn Bhd***

Lot 4B-17,18,19, Jalan TTC 26,  
Kawasan Perindustrian Cheng,  
75250 Melaka.

(Tel) 06-3350191

(Faks) 06-3350117